

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 03 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai siri nombor pendaftaran yang telah dibida melalui sistem 'JPJ e-Bid' dan jumlah pendapatan yang dijana daripada setiap siri tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Bidaan Nombor Pendaftaran Kenderaan Dalam Talian (JPJeBid) adalah sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

2. JPJeBid telah mula dilaksanakan sejak 15 April 2019 dan sehingga 21 Oktober 2020, sebanyak Seratus Empat Puluh Tiga (143) siri telah selesai bidaan.

3. Pada tahun 2019, iaitu sejak bulan April, sebanyak Lima Puluh Empat (54) siri telah selesai bidaan dengan kutipan hasil sebanyak Ringgit Malaysia Enam Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Enam Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Dua Puluh Empat (RM 61,962,724.00).

4. Manakala pada tahun ini, sehingga bulan Oktober 2020, sebanyak Lapan Puluh Sembilan (89) siri telah selesai bidaan dengan kutipan hasil berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Belas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh Tiga.

Sekian, terima kasih.